

Tahap Pengetahuan Belia Islam Terhadap Kefahaman dan Amalan Ajaran Syiah : Satu Kajian di Negeri Selangor

The Level of Understanding on The Practice of Syiah Sect Among Muslim Youths: A Case Study in Selangor

Mohamed Fairouz B. Mohamed Fathillah¹ & Aminudin Basir @Ahmad²

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti pengetahuan belia Islam di Selangor terhadap kefahaman dan amalan yang berkaitan dengan ajaran Syiah. Gerakan Syiah yang telah mula bertapak sejak tahun 1979 telah mula menyebarkan pengaruhnya di IPTA bagi mempengaruhi golongan belia khususnya. Kajian ini bertujuan untuk melihat kefahaman golongan belia berkaitan akidah dan amalan ajaran Syiah, pengaruh amalan Syiah dikalangan belia serta kefahaman para belia mengenai status kedudukan ajaran Syiah serta perkembangannya. Bagi mencapai objektif ini, metod kajian kualitatif dan kuantitatif digunakan. Soal selidik bagi kajian ini melibatkan 2141 orang responden dan untuk sesi temubual melibatkan 4 orang informan. Pengumpulan data dilaksanakan dengan kerjasama Majlis Agama Islam Selangor, Jabatan Agama Islam Selangor. Data kualitatif dianalisis dengan menggunakan emerging design. Sementara data dari soal selidik pula dianalisis dengan menggunakan SPSS. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengetahuan belia Islam di Selangor terhadap kefahaman dan amalan ajaran Syiah sebagai ajaran yang terseleweng dari Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah di tahap yang baik. Namun masih ada di kalangan mereka yang belum dapat membezakan tentang ajaran Syiah dan Ahlu Sunnah.

Kata kunci: Pengetahuan, Kefahaman, Amalan, Syiah, Belia Selangor

ABSTRACT

This study is to identify the level of understanding amongst Muslim youths in Selangor on the creed and practices of Syiah. The Syiah movement which has taken root in Malaysia since 1979 has spread its teachings in public universities to influence the youths in particular. This study also aims to see how the Syiah teachings has influenced the youths, and whether the youths are aware of such influence and its spread in Malaysia. To achieve this objective, qualitative and quantitative methods of research were used. A survey was conducted which involved 2,141 respondents, while interview sessions involved 4 respondents. Selangor Islamic Religious Council and the Selangor Islamic Religious Department had cooperated in the acquiring of data collection. Qualitative data were analyzed using emerging design software. Whereas questionnaire data were analyzed using SPSS. The findings show that the Muslim youths in Selangor are fully aware that the creed and practices of Syiah is corrupted from Ahli Sunnah wa al-Jamaah. However, some of them were unable to differentiate the Syiah teachings from that of Ahli Sunnah wa al-Jamaah.

¹ Mohamed Fairouz Mohamed Fathillah, Pelajar Phd. Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
mfairooz@kuis.edu.my

² Aminudin Basir@Ahmad, Pusat Citra, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). dramindppu@gmail.com

Key Words: *Syiah, Understanding, Youths*

Pengenalan

Golongan belia merupakan kekuatan bagi sesebuah umat atau masyarakat. Mereka berperanan dalam membangunkan negara. Bahkan belia merupakan pendukung bagi keteguhan agama Islam. Tanpa golongan ini, maka masyarakat Islam akan mudah dikalahkan oleh musuh-musuhnya. Oleh itu kepercayaan dan kefahaman terhadap pegangan Ahli Sunah Wal Jamaah penting untuk mempertahankan akidah Islam. Musuh-musuh Islam tidak akan berdiam diri untuk menghancurkan Islam. Ajaran Syiah telah menyeleweng dan merosakkan fahaman Islam sebenar telah tersebar di negeri Selangor. Justeru, penyelidikan ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap kefahaman golongan belia di Selangor terhadap fahaman ini seterusnya dapat membantu usaha bagi membendung penularan fahaman ini dalam kalangan masyarakat Islam.

Ajaran Syiah adalah ajaran yang telah difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar serta terkeluar dari akidah Ahli Sunah Wal Jamaah oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (FATWA) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam perbincangan bil. 1/98. Fahaman Syiah dipercayai mula merebak di Malaysia selepas kejayaan Revolusi Khomeini di Iran pada tahun 1979. Pengaruh ajaran dan fahaman ini menular ke negara ini melalui propaganda-propaganda yang tersebar melalui bahan cetak, Internet dan orang perseorangan. Ajaran ini juga mempengaruhi ahli akademik di universiti-universiti awam

Pengaruh fahaman ini semakin menular ke negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, antaranya Kedah, Kelantan, Johor, Perak, Wilayah Persekutuan, Selangor dan lain-lain.(Mohd Haidhar 2011). Syiah di Malaysia ini mempunyai empat kelompok atau mazhab yang merebak di sekitar Selangor dan negeri-negeri yang lain iaitu Syiah Tayyibi Bohra (Dawood Bohra), Syiah Ismailiah, Syiah Jaafariyah atau Imamiyah Ithna Asyarah. serta kemunculan kelompok syiah yang terkini iaitu Syiah Ansar Imam al Mahdi atau dikenali juga dengan Syiah al Yamani.(Hafiz Abd Basir 2016).

Di antara sebab pengharaman Syiah di Malaysia adalah kerana doktrin-doktrin atau ajarannya yang melampau yang boleh menyebabkan terbatalnya akidah Islam seperti menolak hadis yang diriwayatkan oleh ulama Ahli Sunah sekalipun hadis itu mutawatir. Selain itu, ajaran Syiah mendakwa *Imamah* sebagai Rukun Islam yang utama dan termasuk dalam perkara usuluddin. Ajaran ini juga menghina isteri-isteri Nabi dan memfitnah para sahabat dengan mendakwa mereka melakukan kezaliman seperti Saidina Abu Bakar, Omar, Uthman, Aishah, Hafsa, dan Muawiyah.(Aizam Mas'od 2016).

Permasalahan Kajian

Hasil dapatan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menerusi sumber risikan Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengenalpasti setakat ini kira-kira 2000 orang pengamal fahaman Syiah di seluruh Semenanjung Malaysia (JAKIM 2013). Ajaran Syiah mula aktif menyebarkan fahaman mereka di Malaysia termasuk Selangor selepas kejayaan Revolusi Iran pada tahun 1979 (Mohd Haidar 2011). Berdasarkan kajian dan siasatan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Syiah di Negeri Selangor telah bergerak cergas di institusi-institusi pengajian tinggi dan di kalangan orang awam. Contohnya Persatuan "Darul Husaini" didakwa cuba mengembangkan fahaman Syiah kepada orang ramai, tetapi pendaftaran persatuan ini ditolak pada 19 September 1992 atas nasihat Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan JAKIM.

Ini jelas dengan penahanan Mohd Kamil Zuhairi Abd Aziz selaku pengerusi Jawatankuasa Masyarakat Awam Syiah Imamiyyah (Ja'fari) di Gombak pada 21 April 2014 ketika merasmikan program Sambutan Wiladah Saidatina Fatimah al-Zahrah. Penahanan tersebut dilakukan oleh Pendaftar Pertubuhan (ROS) dengan kerjasama PDRM. Terdapat 100 orang yang menghadiri majlis tersebut. Ini menunjukkan bahawa mereka menyebarkan fahaman dan ajaran Syiah melalui program-program kepada masyarakat awam secara terbuka. (Berita harian 23 April 2014).

Pelbagai cara telah dilakukan oleh pihak Syiah untuk menyebarkan dakwah mereka dan terbukti kekuatan mereka menyebarkan dakwah sangat menakjubkan. Kira-kira dalam tempoh 31 tahun bermula dari tahun 1979, pengikut Syiah telah berjaya mengekalkan pengaruh dan ajaran mereka di sekitar Selangor terutama di Klang dan Gombak.

Ajaran Syiah disebarkan dalam negara ini melalui beberapa cara, antaranya seperti lawatan para pembesar Iran ke Malaysia yang disusuli dengan kempen dan penerangan fahaman mereka, kunjungan delegasi dan NGO Malaysia ke Republik Iran, melalui pelajar-pelajar Malaysia yang ditawarkan belajar di Republik Iran, dan melalui pegawai-pegawai kedutaan Iran di Malaysia yang membuat lawatan ke pusat-pusat pengajian tinggi di Malaysia (e-fatwa.gov.my 2010).

Kedatangan Syiah ke Selangor pula dikenalpasti melalui penyebaran ideologi Revolusi Iran yang juga dikenali sebagai 'Revolusi Islam' bermula pada pertengahan 1977 hingga tahun 1979. Revolusi ini menyaksikan kejatuhan kerajaan Shah Mohamad Reza Pahlavi digantikan dengan Ayatollah Khomeini. Episod baru politik di Iran iaitu transisi dari sistem Monarki kepada sistem Republik Islam dan dalam masa yang sama merupakan kebangkitan fahaman Syiah ke seluruh dunia.

Revolusi ini secara tidak langsung telah menarik perhatian beberapaa kaum muslimin dan juga gerakan Islam bagi mendekati dan mengenali secara lebih dekat akan ajaran Syiah itu sendiri. Mereka melibatkan diri dalam pelbagai persidangan antarabangsa yang dianjurkan kerajaan Iran seperti Persidangan Baghdad, Persidangan Ulangtahun Revolusi Iran. Melalui persidangan yang disertai oleh ramai perwakilan-perwakilan negara Islam ini telah diambil manfaat dengan pengedaran buku-buku dan bahan-bahan bacaan tentang fahaman Syiah. Mereka juga berkesempatan bertemu dengan para ulama Syiah serta bertanyakan tentang fahaman mereka secara langsung.

Berdasarkan kajian oleh PDRM dan JAIS, Syiah telah bertapak di Selangor sejak tahun 1979 lagi melalui pusat pengajian tinggi yang banyak terdapat di Selangor. Antara pusat pengajian tinggi telah dikenal pasti menjadi sasaran Syiah iaitu Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa dan Institut Teknologi Mara (e-fatwa.gov.my 2010). Dalam erti kata lain, Syiah telah mula mendekati golongan-golongan belia termasuk para belia yang berada di universiti awam. Dalam hubungan ini pihak Jabatan Agama Islam Selangor melahirkan kebimbangan terhadap penularan pengaruh Syiah dikalangan para belia muslim di negeri Selangor. Ini disebabkan melalui pemerhatian pihak JAIS, secara umumnya pengetahuan para belia muslim terhadap asas akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah di kalangan para belia adalah lemah. Situasi ini turut menjadi faktor penyumbang perkembangan Syiah di Selangor. Justeru, bagi tujuan tersebut adalah sangat penting kajian ini dilaksanakan.

Metodologi Kajian

Kajian ini adalah merupakan satu tinjauan yang berbentuk deskriptif berasaskan metode kajian kuantitatif dan kualitatif. Kajian bertujuan untuk mengkaji tahap pengetahuan belia Islam terhadap kefahaman dan ajaran Syiah di Selangor. Kajian ini melibatkan pihak berwajib dalam penguatkuasaan undang-undang syariah di Selangor dan penganut Syiah di hauzah-hauzah. Kajian ini juga turut membabitkan para belia yang beragama Islam di seluruh negeri Selangor melalui tiga zon iaitu zon utara, zon tengah dan zon selatan.

Kajian ini melibatkan sampel seramai 2141 orang berdasarkan populasi 2,754,826 orang. Penentuan jumlah sample ini adalah mengikut dua kaedah sampling yang digunakan iaitu Proses persampelan (Krejcie dan Morgan 1970) iaitu 100,000 dan ke atas memerlukan hanya seramai 384. Manakala kaedah persampelan (W.Lawrence Neuman 2005). Iaitu bagi populasi yang besar iaitu 150,000 dan ke atas penyelidikan hanya memerlukan 1% atau 1500 orang responden bagi mencapai darjah ketepatan yang tinggi. Pada asasnya pemilihan sampel kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah *two-stage random sampling* yang menggabungkan *cluster sampling* dan *stratified random sampling* (Najib 1999, Burn 2000). Borang soal selidik telah diedarkan kepada tiga zon iaitu zon utara, zon tengah dan zon selatan. Zon utara merangkumi daerah Sabak Bernam dan Kuala Selangor. Zon tengah merangkumi daerah Petaling, Klang, Kuala Langat, Gombak, dan Hulu Selangor. Manakala zon selatan daerah Hulu Langat dan Sepang. Penentuan bilangan responden setiap daerah adalah mengikut peratusan belia dalam zon yang telah ditetapkan.

Satu sesi temu bual juga telah dilaksanakan terhadap bekas penganut Syiah. Temu bual ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran sebenar mengenai kepercayaan, amalan dan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan khasnya oleh golongan belia di kalangan penganut Syiah di Selangor.

Selain itu, temu bual ini juga turut melibatkan individu bagi pihak badan berwajib untuk mengkaji peranan-peranan dan halangan-halangan yang dihadapi bagi mengatasi penyebaran ajaran Syiah di negeri Selangor. Hasil temubual telah ditranskrip secara verbatim dan telah dianalisis menggunakan *emerging design*.

Dapatan Kajian

Beberapa kepercayaan dan amalan Syiah diutarakan kepada golongan belia untuk menilai kefahaman mereka. Empat belas perkara yang dinilai yang berkaitan kepercayaan umum seperti konsep khalifah, rukun Syiah, amalan ibadah, imam mahdi dan pandangan Syiah terhadap Sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. Dapatan kajian ini berkaitan dengan kefahaman para belia berkaitan akidah dan amalan Syiah, pengaruh amalan Syiah dan kefahaman para belia mengenai status dan perkembangan Syiah di Selangor.


Kefahaman Responden Berkaitan Akidah Dan Amalan Syiah

Kajian mendapati ramai di kalangan belia Islam di Negeri Selangor yang belum dapat membezakan antara ajaran Syiah dan Ahli Sunah Wal Jamaah dalam banyak perkara termasuk isu khilafah, mut'ah, hukum-hukum solat, sambutan perayaan dan lain-lain. Jadual dan gambar rajah di bawah boleh membuktikan perkara ini.

Jadual 1 : Kefahaman Responden Berkaitan Akidah dan amalan Syiah

No	Item	Kekerapan & Peratus(N=2141)					Mean	Std. Deviation	INT
		STS	TS	SS	S	SS			
C1	Saidina Ali adalah khalifah yang paling layak dilantik selepas Rasulullah s.a.w.	972 (45.4%)	557 (26%)	310 (14.5%)	178 (8.3%)	124 (5.8%)	2.03	1.205	
C2	Nikah Mut'ah ialah nikah bertempoh tanpa saksi yang dibenarkan dalam Islam	1379 (64.4%)	371 (17.3%)	160 (7.5%)	133 (6.2%)	98 (4.6%)	1.69	1.134	
C3	Amalan memperingati kematian Saidina Husain pada 10 Muharram adalah amalan yang disyariatkan.	1388 (64.8%)	440 (20.6%)	179 (8.4%)	83 (3.9%)	51 (2.4%)	1.58	.964	
C4	Kepercayaan terhadap Imam 12 (Al-Imamah) adalah salah satu asas rukun beragama.	1371 (64%)	453 (21.2%)	153 (7.1%)	109 (5.1%)	55 (2.6%)	1.61	.998	
C5	Saidina Ali akan dibangkitkan semula selepas kemunculan Imam Mahdi.	1525 (71.2%)	389 (18.2%)	100 (4.7%)	77 (3.6%)	50 (2.3%)	1.48	.916	
C6	Hanya orang Islam sahaja yang boleh mengerjakan haji.	322 (15%)	122 (5.7%)	135 (6.3%)	438 (20.5%)	1124 (52.5%)	3.90	1.470	
C7	Sujud di atas batu atau tanah Karbala merupakan keutamaan dalam solat.	1554 (72.6%)	305 (14.2%)	118 (5.5%)	70 (3.3%)	94 (4.4%)	1.53	1.041	
C8	Menziarahi kubur Saidina Hussein akan mendapat ganjaran syurga.	1475 (68.9%)	403 (18.8%)	148 (6.9%)	64 (3%)	51 (2.4%)	1.51	.924	
C9	Islam menggalakkan umatnya mencederakan tubuh badan sempena 10 Muharram bagi menangi kematian Saidina Hussain.	1790 (83.6%)	216(10.1%)	47 (2.2%)	37 (1.7%)	51 (2.4%)	1.29	.800	
C10	Umat Islam harus menghina Abu Bakar r.a , Omar r.a, Saidanita Aishah r.a dan Hafsah r.a.	1811 (84.6%)	209 (9.8%)	48 (2.2%)	33 (1.5%)	40 (1.9%)	1.26	.746	
C11	Islam mengharuskan solat jamak dalam semua keadaan.	1574 (73.5%)	375 (17.5%)	72 (3.4%)	66 (3.1%)	54 (2.5%)	1.44	.895	
C12	Hukum menunaikan solat sunat Dhuha adalah haram.	1820 (85%)	208 (9.7%)	42 (2%)	33 (1.5%)	38 (1.8%)	1.25	.731	
C13	Umat Islam wajib mengeluarkan 1/5 dari harta mereka untuk pemerintah dan Ahli Bait.	1433 (66.9%)	407 (19%)	185 (8.6%)	82 (3.8%)	34 (1.6%)	1.54	.918	

C14	Menyapu kedua-dua belah kaki merupakan salah satu rukun wudu'.	918 (42.9%)	288 (13.5%)	233 (10.9%)	268 (12.5%)	434 (20.3%)	2.54	1.604
Jumlah Min keseluruhan Fahaman Responden Berkaitan Kepercayaan dan amalan Syiah							1.76	0.679



Rajah 1: Kefahaman Responden Berkaitan Akidah dan amalan Syiah

Jadual 1 dan rajah 1 di atas menunjukkan kefahaman belia mengenai konsep khalifah menurut pandangan Syiah. Min keseluruhannya 1.76 rendah menunjukkan bahawa menunjukkan kebanyakan belia tidak bersetuju dengan semua kepercayaan dan amalan yang dilakukan oleh penganut Syiah. Ini menjelaskan sebahagian besar belia Islam di Selangor memahami kesesatan yang diamalkan oleh golongan ini dan menolak ajaran Syiah. Walau bagaimana pun masih ada belia yang menerima amalan dan ajaran ini dengan bilangan yang kecil.

Kefahaman belia mengenai khalifah selepas Rasulullah adalah baik dengan seramai 1529 orang responden tidak bersetuju sayidina Ali adalah khalifah yang paling layak dilantik selepas Rasulullah s.a.w. Ini kerana khalifah selepas Rasulullah s.a.w adalah Sayidina Abu Bakar. Manakala 612 orang (28.6 peratus) responden yang bersetuju dengan kenyataan tersebut. Berkaitan dengan rukun agama pula menunjukkan 1825 orang (85.2 peratus) responden menolak pandangan yang mengatakan bahawa kepercayaan terhadap Imam 12 (*al-Imamah*) adalah salah satu rukun agama. Terdapat 317 orang (14.8 peratus) responden menerimanya dengan bersetuju bahawa *al-Imamah* adalah rukun dalam agama Islam. Selain itu, perkara yang berkaitan Sayidina Ali akan dibangkitkan semula selepas kemunculan imam Mahdi menunjukkan bahawa seramai 1914 orang (89.4 peratus)

responden menafikannya berbanding hanya 227 orang (89.4 peratus) responden meyakini. Selain itu, Syiah berpandangan bahawa harus menghina sahabat-sahabat dan isteri-isteri Rasulullah s.a.w yang lain khususnya Abu Bakar r.a, Omar r.a, Aishah r.a dan Hafsa r.a. Pada kenyataan ini, seramai 2020 orang (94.4 peratus) responden memahaminya dan menolak pandangan tersebut. Hanya 121 orang (5.6 peratus) responden sahaja yang tidak memahaminya.

Selain isu kepercayaan, terdapat juga isu amalan-amalan yang dilakukan oleh penganut Syiah. Antaranya ialah amalan memperingati kematian Sayidina Hussain pada 10 Muharram adalah amalan yang disyariatkan. Kajian menunjukkan bahawa 1828 orang (85.4 peratus) responden menafikan dan tidak mempercayainya dan seramai 313 orang responden bersetuju dengannya. Ini menjelaskan bahawa sebanyak 14.6 peratus responden tidak mengetahui bahawa ia adalah amalan Syiah. Amalan menziarahi kubur sayidina Hussain juga merupakan amalan Syiah yang utama. Maka kajian menunjukkan seramai 1878 (87.7 peratus) mengetahuinya dan menolak pandangan ini. Hanya 263 (12.3 peratus) orang responden tidak mengetahuinya. Seterusnya ibadah tahunan yang dilakukan oleh penganut ajaran Syiah ialah Islam menggalakkan umatnya mencederakan tubuh badan sempena 10 Muharram bagi menangi kematian Sayidina Husain. Sebanyak 93.7 peratus (2006 orang) responden menolak pandangan tersebut manakala 6.3 peratus responden bersetuju dengan pandangan tersebut.


Amalan-amalan khusus yang lain mengikut ajaran Syiah seperti nikah mut'ah pula menunjukkan seramai 1750 orang (81.7 peratus) responden memahami ia dari amalan Syiah. Manakala 391 orang (18.3 peratus) responden sebaliknya. Seterusnya sujud di atas batu tanah Karbala' merupakan keutamaan dalam solat pula menunjukkan 1859 orang (86.8 peratus) responden mengetahuinya yang merupakan amalan Syiah dan 282 orang (13.2 peratus) responden tidak mengetahuinya. Ajaran Syiah menyatakan bahawa Islam mengharuskan solat jamak dalam semua keadaan. Seramai 1949 orang (95 peratus) responden tidak bersetuju dan menolak pandangan tersebut. Hanya 192 (5 peratus) sahaja yang bersetuju. Ini menjelaskan bahawa kebanyakan responden mengetahui amalan ini adalah amalan Syiah dan bukan dari amalan Ahlu Sunah. Selain itu, Syiah berpandangan bahawa orang bukan Islam boleh mengerjakan Haji. Pada kenyataan ini hanya 1697 orang (79.3 peratus) responden sahaja yang memahaminya berbanding 444 orang (20.7 peratus) responden tidak memahaminya. Di samping itu, Syiah mengharamkan penganutnya untuk mengamalkan solat sunat Duha. Kajian menunjukkan 2028 orang (94.7 peratus) responden memahaminya dengan tidak bersetuju dengan hukum tersebut. Berbanding hanya 113 orang responden (14.1 peratus) menerima hukum solat sunat Duha tersebut. Seterusnya amalan menyapu dan tidak membasuh kedua-dua belah kaki merupakan salah satu rukun wudu' dalam ajaran Syiah. Hanya 1206 (56.4 peratus) sahaja memahaminya di mana ia merupakan ajaran Syiah. Manakala sebahagian responden 43.6 peratus (935 orang) tidak mengetahuinya. Amalan yang terakhir dinilai terhadap belia ialah kefahaman mereka mengenai perkara umat Islam wajib mengeluarkan 1/5 dari harta mereka untuk pemerintah dan Ahlu Bait. Kajian menunjukkan seramai 1840 responden menolaknya dan seramai 301 orang responden bersetuju dengannya.

Pengaruh Amalan Syiah Di Kalangan Belia Islam Di Selangor

Terdapat beberapa soalan yang diajukan kepada responden bagi mengenal pasti pengamalan ajaran Syiah di kalangan belia Islam di Selangor. Dapatan yang diperoleh menunjukkan tahap amalan yang berlaku di kalangan belia dan memerlukan langkah penyelesaian dalam perkara ini. Terdapat 12 soalan yang ditanya meliputi kepercayaan, aktiviti, bahan bacaan dan amalan ajaran Syiah.

Jadual 2 : Amalan Responden Berkaitan Ajaran Syiah

No	Item	Kekerapan & Peratus(N=2141)					Mean	Std. Deviation	INT
		STS	TS	SS	S	SS			
D1	Saya suka untuk menghadiri majlis ulangtahun kelahiran Fatimah Az-zahra.	1385 (64.7%)	485 (27.7%)	191 (8.9%)	45 (2.1%)	35 (1.6%)	1.53	.866	
D2	Saya selalu membaca buku-buku ajaran Syiah.	1426 (66.6%)	433 (20.3%)	200 (9.3%)	50 (2.3%)	32 (1.5%)	1.52	.870	
D3	Saya sering membaca dan mengikuti laman sosial Syiah.	1380 (64.5%)	459 (21.4%)	209 (9.8%)	63 (2.9%)	30 (1.4%)	1.55	.887	
D4	Saya sentiasa berjumpa dengan kenalan yang berfahaman Syiah.	1486 (69.4%)	447 (20.9%)	121 (5.7%)	48 (2.2%)	39 (1.8%)	1.46	.846	
D5	Saya tidak bersetuju dengan tindakan keras pihak berkuasa terhadap golongan Syiah.	1331 (62.2%)	309 (14.4%)	157 (7.3%)	157 (7.3%)	187 (8.7%)	1.86	1.325	
D6	Kita perlu memberi hak kepada golongan Syiah untuk beramal dengan ajarannya.	1569 (73.3%)	340 (15.9%)	125 (5.8%)	62 (2.9%)	45 (2.1%)	1.45	.889	
D7	Saya sering pergi ke hauzah (markaz) untuk mengikuti majlis agama.	1543 (72.1%)	332 (15.5%)	157 (7.3%)	74 (3.5%)	35 (1.6%)	1.47	.894	
D8	Saya bersetuju usaha untuk menyatukan golongan Syiah dan Ahli Sunnah.	1323 (61.8%)	358 (16.7%)	255 (11.9%)	100 (4.7%)	105 (4.9%)	1.74	1.140	
D9	Saya sujud di atas batu atau tanah Karbala ketika solat.	1809 (84.5%)	217 (10.1%)	62 (2.9%)	26 (1.2%)	27 (1.3%)	1.25	.684	
D10	Saya sering melewatkan berbuka puasa sehingga hampir waktu Isya'.	1864 (87.1%)	200 (9.3%)	41 (1.9%)	14 (0.7%)	22 (1%)	1.19	.597	
D11	Saya pernah mengamalkan nikah Mut'ah.	1871 (87.4%)	198 (9.2%)	33 (1.5%)	20 (0.9%)	19 (0.9%)	1.19	.588	
D12	Saya tidak solat Jumaat kerana Imam Mahdi belum muncul.	1916 (89.5%)	158 (7.4%)	30 (1.4%)	15 (0.7%)	22 (1%)	1.16	.575	
Jumlah min keseluruhan Amalan Responden berkaitan ajaran Syiah							1.45	0.591	



Rajah 2 : Bilangan dan Peratusan Amalan Responden Berkaitan Ajaran Syiah

Kajian menunjukkan jumlah keseluruhan min bagi amalan Syiah berkaitan dengan responden dikalangan belia adalah rendah iaitu 1.45 di tahap rendah. Ini menunjukkan kebanyakan belia yang dikaji tidak mengamalkan ajaran Syiah. Walau bagaimana pun, kajian ini juga menunjukkan terdapat berlakunya amalan Syiah di kalangan belia dalam jumlah yang sedikit. Min yang tertinggi ialah 1.86 tahap rendah di mana 501 orang (23.4 peratus) responden bersetuju agar pihak berkuasa tidak mengambil tindakan keras kepada golongan Syiah manakala 1664 orang (76.6 peratus) responden tidak bersetuju dengan tiada tindakan keras yang diambil oleh pihak berkuasa terhadap penganut Syiah. Ini menunjukkan majoriti belia berharap agar tindakan keras harus dilaksanakan oleh pihak berkuasa terhadap penganut ajaran Syiah.

Selain itu, seramai 460 orang (21.5 peratus) responden bersetuju dengan usaha menyatukan golongan ahlu Sunah dengan Syiah dan seramai 1681 orang (78.5 peratus) responden tidak bersetuju dengan usaha tersebut dengan min 1.74 tahap rendah. Ajaran Syiah berkembang melalui media sosial. Oleh itu kajian menunjukkan bahawa terdapat 302 orang (14.1 peratus) responden sering membaca dan mengikuti laman sosial Syiah. Manakala 1839 orang (85.9 peratus) tidak melayari laman sosial tersebut. Melalui pembacaan buku pula seramai 282 orang (13.1 peratus) selalu membaca buku-buku ajaran Syiah dan 1859 orang (86.9 peratus) responden tidak membacanya. Seterusnya, ajaran Syiah juga berkembang melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Antara aktiviti yang sering dijalankan ialah mengadakan majlis ulang tahun kelahiran Fatimah al-Zahrah.

Kajian menunjukkan bahawa seramai 271 orang responden (12.6 peratus) menghadiri majlis tersebut dan 1670 orang (92.4 peratus) responden tidak menghadirinya. Bahkan terdapat seramai 266 orang responden (12.4 peratus) responden sering pergi ke *Hauzah* (markaz Syiah) untuk mengikuti majlis agama Syiah. Manakala seramai 1875 orang responden (87.6 peratus) tidak mengikutinya.

Terdapat juga responden yang cenderung kepada ajaran Syiah sering menemui kenalan-kenalan daripada penganut Syiah. Kajian mendapati bahawa seramai 208 orang (9.7 peratus responden) sentiasa berjumpa dengan kenalan yang berfahaman Syiah dan seramai 1933 orang (90.3 peratus) responden tidak melakukannya. Di samping itu, sebanyak 10.8 peratus (232 orang) responden bersetuju dengan cadangan memberi hak kepada golongan Syiah untuk beramal dengan ajarannya. Manakala 89.2 peratus (1909 orang) responden tidak bersetuju dengan cadangan tersebut.

Selain amalan atau aktiviti umum, terdapat juga amalan khusus dalam ajaran Syiah seperti sujud di batu Karbala, nikah mut'ah dan melewati berbuka puasa sehingga waktu Isyak dan tidak melakukan solat Jumaat kerana menunggu kemunculan Imam Mahdi. Kajian menunjukkan bahawa seramai 115 orang responden (5.4 peratus) sujud di atas batu atau tanah Karbala' ketika solat dan seramai 2026 responden tidak melakukannya. Seterusnya seramai 72 orang (3.4 peratus) responden pernah melakukan nikah mut'ah dan 1673 orang (9.6.6 peratus) responden tidak melakukannya. Amalan puasa pula menunjukkan seramai 77 orang (3.6 peratus) responden sering melewati berbuka puasa sehingga waktu isyak berbanding 2064 orang (94.6 peratus) responden tidak melakukannya. Pada item tidak mengerjakan solat Jumaat kerana Imam mahdi belum muncul. Data menunjukkan bahawa 2074 orang (96.9 peratus) responden tidak bersetuju dan hanya 67 orang (3.1 peratus) responden sahaja yang bersetuju. Ini menunjukkan terdapat juga responden yang tidak melakukan solat Jumaat kerana menunggu kemunculan Imam mahdi. Item ini merupakan min yang terendah iaitu 1.16.


Kefahaman Belia Islam Mengenai Status dan Perkembangan Syiah di Selangor

Status ajaran Syiah di Malaysia dan Selangor adalah diharamkan berdasarkan fatwa yang telah dikeluarkan oleh JAKIM dan JAIS. Namun ajaran ini masih berkembang di Malaysia dan Selangor melalui pelbagai cara seperti penubuhan hauzah dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di hauzah, sebaran maklumat berkaitan kepercayaan dan amalan Syiah melalui media cetak dan elektronik serta buku-buku, tajaan biasiswa pendidikan, dakwah daripada pensyarah-pensyarah di universiti awam dan swasta. Selain itu, pengaruh sejarah Revolusi Iran 1979 juga menjadi faktor penyumbang kepada penyebaran Syiah di Malaysia dan Selangor.

Jadual 3 : Kefahaman Responden Berkaitan Status dan Perkembangan Syiah

No	Item	Kekerapan & Peratus(N=2141)					Mean	Std. Deviation	INT
		STS	TS	SS	S	SS			
E1	Kerajaan Negeri Selangor 2013 telah mewartakan bahawa ajaran Syiah haram di Selangor.	150 (7%)	61 (2.8%)	166 (7.8%)	443 (20.7%)	1321 (61.7%)	4.27	1.169	

E2	Beberapa buah hauzah (markaz) telah diwujudkan untuk penyebaran dan aktiviti Syiah.	707 (33%)	176 (8.2%)	348 (16.3%)	482 (22.5%)	428 (20%)	2.88	1.554
E3	Syiah di Malaysia menggunakan media baru (Facebook, Youtube dll) sebagai saluran penyebaran kepercayaan mereka.	432 (20.2%)	140 (6.5%)	375 (17.5%)	549 (25.6%)	645 (30.1%)	3.39	1.477
E4	Ajaran Syiah turut berkembang melalui buku dan majalah seperti Meniti Titian Kebenaran Mazhab Rasul & Mazhab Ahlul Bait.	417 (19.5%)	146 (6.8%)	485 (22.7%)	540 (25.2%)	553 (25.8%)	3.30	1.444
E5	Kerajaan Iran turut menyebarkan ajaran Syiah melalui tawaran biasiswa pendidikan.	436 (20.4%)	201 (9.4%)	559 (26.1%)	454 (21.2%)	491 (22.9%)	3.17	1.418
E6	Terdapat beberapa orang pensyarah Institut Pengajian Tinggi yang giat menyebarkan ajaran Syiah.	395 (18.4%)	157 (7.3%)	480 (22.4%)	577 (27%)	532 (24.8%)	3.32	1.404
E7	Saya tahu bahawa ajaran Syiah sedang berkembang dengan pesatnya di Selangor.	279 (13%)	157 (7.3%)	482 (22.5%)	637 (29.8%)	586 (27.4%)	3.51	1.314
E8	Revolusi Islam Iran Syiah 1979 menjadi faktor perkembangan Syiah di Malaysia.	303 (14.1%)	161 (7.5%)	596 (27.8%)	567 (26.5%)	515 (24.1%)	3.39	1.310
Jumlah Min Keseluruhan Kefahaman Responden Berkaitan Status dan Perkembangan Syiah							3.41	1.082



Rajah 3 : Bilangan & Peratusan Kefahaman Responden Berkaitan Status dan Perkembangan Syiah.

Data di atas menunjukkan bahawa min keseluruhan kefahaman belia mengenai status dan perkembangan ajaran Syiah adalah 3.41 di tahap sederhana tinggi. Ini

menjelaskan sebahagian besar belia memahami status dan perkembangan ajaran Syiah manakala sebahagian yang lain tidak memahaminya. Min yang tertinggi ialah 4.27 tahap tinggi di mana seramai 1930 orang (90.2 peratus) responden bersetuju dengan kenyataan kerajaan negeri Selangor pada tahun 2013 telahewartakan bahawa ajaran Syiah adalah haram di Selangor. Hanya 211 orang (9.8 responden) responden tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Ini menjelaskan bahawa kebanyakan belia mengetahui bahawa status ajaran Syiah adalah haram di Selangor. Min yang terendah pula ialah 2.88 di tahap sederhana rendah yang menunjukkan bahawa hanya 1258 orang (58.8 peratus) responden mengetahui beberapa buah hauzah (markaz) telah diwujudkan untuk penyebaran dan aktiviti Syiah. Manakala 883 orang responden (41.2 peratus) tidak mengetahuinya. Ini disebabkan kewujudan hauzah di sesebuah kawasan dirahsiakan dan hanya penganut ajaran syiah yang boleh hadir dan membawa individu lain untuk masuk ke hauzah-hauzah Syiah. Kajian menunjukkan bahawa 1705 orang (79.7 peratus) responden mengetahui bahawa ajaran Syiah berkembang pesat di Selangor manakala seramai 436 orang responden tidak mengetahuinya. Perkara ini agak membimbangkan kerana 20.3 peratus responden tidak menyedari bahawa ajaran Syiah sedang berkembang pesat di Selangor.

Seterusnya perkembangan ajaran Syiah melalui media baru sebagai saluran penyebaran kepercayaan Syiah menunjukkan 1569 orang (73.3 peratus) responden mengetahuinya berbanding 572 orang (26.7 peratus) responden yang tidak mengetahuinya. Penyebaran melalui media merupakan kaedah yang paling cepat untuk menyampaikan ajaran Syiah kepada masyarakat. Penyebaran melalui bahan bacaan buku dan majalah pula menunjukkan 1578 orang responden (73.7 peratus) responden mengetahuinya dan 563 orang (26.3 peratus) responden tidak mengetahuinya. Buku dan majalah yang popular di kalangan penganut Syiah ialah *Meniti Titian Kebenaran Mazhab Rasul* dan *Mazhab Ahlul Bait*. Selain itu, penyebaran ajaran Syiah juga berlaku di universiti-universiti melalui pensyarah dan tawaran pembiayaan pengajian dari kerajaan negara Iran.

Kajian menunjukkan bahawa 1589 orang (74.3 peratus) responden bersetuju penyebaran ajaran Syiah melalui pensyarah-pensyarah di universiti dan 552 orang (25.7 peratus) responden tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Di samping itu, seramai 1504 orang (70.2 peratus) responden mengetahui bahawa kerajaan negara Iran memberi tajaan biasiswa pengajian kepada rakyat Malaysia dalam usaha penyebaran ajaran Syiah manakala 637 orang (29.8 peratus) responden tidak mengetahuinya. Selain beberapa faktor yang dinyatakan, terdapat satu faktor utama perkembangan syiah di Malaysia umumnya ialah Revolusi Islam Iran Syiah 1979. Mereka menggunakan nama Islam sebagai pembaharuan dalam gerakan Islam sedunia. Oleh itu, kajian menunjukkan bahawa 1677 orang (78.4 peratus) responden mengetahui mengenainya dan seramai 464 orang (21.6 peratus) responden tidak menyedarinya.

Tindakan dan Tanggungjawab Pihak Berwajib Dalam Menangani Isu Penyebaran Ajaran Syiah

Temubual bersama En Khairol Jairin (Bahagian Dakwah JAIS) menjelaskan bahawa mereka bermula secara serius pada tahun 2012 berikutan isu krisis di negara Syria yang mempunyai campur tangan golongan Syiah dan menyebabkan ramai di kalangan masyarakat sunni ditindas oleh golongan Syiah.

Antara tindakan yang telah dilaksanakan adalah melalui bidang kuasa yang ada oleh pihak JAIS khususnya dalam mengenal pasti dan mendapatkan tentang penyebaran maklumat Syiah, sejarah dan kesan buruk terhadap negara Malaysia dan negeri Selangor. Pihak JAIS juga mengadakan *road show* ke setiap daerah di Selangor untuk memperjelaskan isu Syiah dan hubung kait dengan keamanan, perkara yang berkaitan dengan akidah, amalan dan aktiviti yang mereka lakukan. Di samping itu menerbitkan buku dan pendedaran artikel secara percuma supaya masyarakat mengenal kesesatan yang dibawa oleh golongan Syiah. Selain daripada itu juga diwujudkan video penerangan dalam media elektronik untuk disebarkan kepada masyarakat. Modul-modul latihan juga diwujudkan bagi melatih pakar-pakar dalam bidang akidah Islam di kalangan pensyarah, pegawai agama dan pendakwah untuk menangani penyebaran ajaran Syiah di Selangor.

Temubual bersama En. NorFaisal Leman (Bahagian R&D JAIS) menjelaskan antara tindakan yang telah dilakukan oleh R&D ialah mengadakan:

a. Program

1. Seminar Isu-Isu Akidah & Syariah (Penjelasan Fahaman Syiah) Peringkat Kebangsaan 27hb. April 2011.
2. Diskusi Ilmiah mengenai penjelasan bahaya Syiah di peringkat daerah dan UA / IPTS.
3. Program Memperkasa Ahli Sunnah Wal Jamaah dan Bahaya Syiah.
4. Melalui khutbah Percanggahan Syiah Dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah dan telah menetapkan tarikh-tarikh bacaan khutbah mengenai bahaya Syiah pada semenjak tahun 2014, 2015 & 2016.
5. Muzakarah mengenai perkahwinan Syiah dengan sunni di Malaysia.
6. Penjelasan mengenai modul akidah Negeri Selangor peringkat daerah di seluruh negeri Selangor.
7. Simposium Serantau Ahli Sunnah Wal Jamaah 2013.
8. Telah Menjadualkan program-program penjelasan mengenai penyelewengan Syiah pada tahun 2014.
9. Mengeluarkan risalah serta menerbitkan buku-buku mengenai bahaya Syiah yg dikeluarkan oleh MAIS..

b. Fatwa

Pindaan Sighah fatwa Fahaman Syiah telah difatwakan pada September 2013 dan telah diwartakan pada 17 Oktober 2013.

c. Serbuan/ Tindakan Undang-undang

JAIS telah membuat beberapa kali serbuan program Syiah di premis Syiah Imamiyah di Taman Seri Gombak dan Ukay Perdana pada tahun 2010, 2011, 2012 dan 2013. Termasuk premis Syiah Dawoodi Bohra di Klang. Tindakan undang – undang di buat atas kesalahan melanggar fatwa di bawah seksyen 12 (c), Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) Tahun 1995.

Pada 11 Oktober 2016 pihak Jais juga telah mengadakan serbuan di sebuah surau di Taman Sri Gombak. 32 orang penganut ajaran syiah yang berketurunan Pakistan

telah ditahan ketika mereka sedang mengadakan majlis Hari Asyura. Serbuan tersebut dilakukan oleh pegawai penguatkuasa Jais dengan kerjasama PDRM. Ini menunjukkan bahawa mereka telah berani menyebarkan fahaman dan ajaran Syiah melalui program-program kepada masyarakat awam secara terbuka.

d. Pemulihan

1. JAIS telah mengadakan muzakarah pakar bersama kumpulan pengikut Syiah Imamiyah pada tahun 2013 untuk mendapatkan penjelasan dan meminta agar kembali mereka kepada ajaran Islam sebenar mengikut ahli Sunnah Wal Jamaah.
2. JAIS juga telah mengadakan program pengukuhan Akidah pada tahun 2014 khususnya kepada mereka yang pernah ditangkap oleh JAIS termasuk kumpulan Syiah.

Kekangan Pihak Berkuasa Dalam Menangani Ajaran Syiah Di Selangor

Terdapat beberapa kekangan pihak berkuasa dalam menangani ajaran Syiah di Selangor. Antaranya ialah ;

- i. Tindakan golongan Syiah yang berselindung dengan amalan *taqiyyah* menyebabkan pihak berkuasa sukar mengambil tindakan terhadap mereka.
- ii. *Hauzah* atau pusat kegiatan golongan Syiah yang didirikan tidak mempunyai lokasi yang tetap dan berselindung dengan nama syarikat yang berlesen atau rumah kediaman individu tertentu.
- iii. Golongan belia yang dihantar melanjutkan pengajian di Qom, Iran mendapat biasiswa penuh dari kerajaan Iran dan mereka pergi atas nama pengajian atau pendidikan.
- iv. Kedatangan belia-belia dari negara Iran dan Iraq dalam melanjutkan pengajian di Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di Malaysia menambahkan lagi pengaruh ajaran dan amalan Syiah di Selangor. Mereka bebas mengamalkan ajaran Syiah di Selangor dan Malaysia.
- v. Aktiviti-aktiviti golongan belia syiah di Malaysia dan Selangor hanya melibatkan pengajaran dan perhimpunan atas nama persatuan atau majlis perkahwinan. Oleh itu, pihak berkuasa tempatan tidak boleh mengambil tindakan undang-undang melalui tindakan jenayah.
- vi. Mereka menggunakan media elektronik melalui laman web, twitter, Facebook dan sebagainya dalam menyampaikan ideologi dan kepercayaan mereka kepada orang lain. Masih tiada undang-undang khusus di Selangor berkaitan penyebaran ajaran Syiah melalui media elektronik. Maka penguatkuasaan tidak boleh dibuat terhadap mereka kecuali apabila mereka melakukan sebarang bentuk provokasi yang boleh menjejaskan nama negara atau sensitiviti sesebuah kaum di Malaysia.
- vii. Terdapat aktiviti-aktiviti di kalangan belia yang dianjurkan oleh kedutaan Iran di Malaysia. Mereka diberi risalah dan terdapat tayangan video yang mempunyai unsur-unsur ajaran Syiah. Oleh yang demikian, pihak berkuasa

tidak dapat melakukan apa jua tindakan disebabkan bidang kuasa yang terbatas.

- viii. Tindakan saman oleh golongan Syiah. Mereka mengenakan tindakan undang-undang kepada penguatkuasa dan ustaz-ustaz atas alasan membuat fitnah terhadap mereka.

Penutup

Penyebaran Syiah di Negeri Selangor merupakan satu isu perlu dititik beratkan, kerana Syiah telah bertapak begitu lama di negeri ini sehingga wujud hauzah yang mempunyai aktiviti-aktiviti Syiah. Walaupun begitu masih terdapat ramai belia negeri ini tidak sedar tentang bahaya gerakan ini malah terdapat juga yang masih tidak boleh membezakan antara amalan Syiah dan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Bibliografi

Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd

Aizam Mas'od, 2013. *Soal Jawab Syiah di Malaysia*. Putrajaya: JAKIM.

Jabatan Mufti Kedah. 2013. *Perbezaan di antara akidah Ahli Sunah Waljamaah dengan Syiah*. Alor Setar: Kedah.

Ahmad Faidzurrahim. 2013. *Darah Syiah membongkar pengkhianatan dan kezaliman Syiah*. Kuala Lumpur: Darul Taklim.

BeritaHarian 11/10/2013

Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan, Himpunan Ajaran, Amalan, Dan Fahaman Yang Telah Diwartakan Menyeleweng Dan Sesat Dalam Negeri Selangor Sepanjang Abad Dua Puluh.

Faisal Tehrani. 2012. *Perempuan Nan Bercinta*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

Jabatan Agama Islam Selangor. 2013. *Bahaya Syiah Dari Aspek Akidah, Syariah dan Akhlak Kepada Ummah dan Negara*. Shah Alam: JAIS.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (i). 2010. *Penjelasan Terhadap Fahaman Syiah*. Putrajaya: JAKIM.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. *Kertas Kerja Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia* dim Kertas kerja JKF bil. 2/102.2012.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2014. *Bahagian Perancangan dan penyelidikan. Analisis Akuan Berkanun Pengakuan Bermazhab Syiah*. Putrajaya: JAKIM.

Kamil Zuhairi. 2011. Memorandum kepada YDP Agong, bertarikh 6 Jun 2011.

Kertas JKF bil.2/102/2012. *Cadangan Memperkasakan Fatwa Ajaran Syiah*. JAKIM.

Mohd Samsuddin Harun & Azmul Fahimi Kamaruzaman. 2011. Kemunculan budaya Syiahdi alam melayu: satu kajian awal. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN IV): Ulama Pemacu Transformasi Negara*, hlm. 305-314.

www.e-fatwa.gov.my/fatwanegeri/perkembangan-fahaman-Syiah-di-selangor. Disember 2010

Penjelasan Terhadap Fahaman Syiah. 2013. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, JAKIM. Hlm 5

Mohd Haidhar bin Kamarzaman, 2011, Syi'ah di Selangor, Sarjana Muda Pengajian Islam, UKM. Hlm 6-7

Wan Zahidi Wan Teh. 2013. *Fenomena Pemikiran Khawarij dan ancamannya terhadap perpaduan ummah Dim Melihat jendela Islam*. Selangor: al-Hikmah Sdn. Bhd.

Zamihan Mat Zain. 2013. *Bahaya Penyelewengan Syiah*. Shah Alam: JAIS, Bahagian Dakwah

Zainal Abidin. 2006. *Syiah dan Sunni dalam perspektif pemikiran Islam*. Jurnal Hunafa. Vol3.No.2. 117-128.

Zakaria Stapa. 2014. Laporan Akhir. Ancaman Aliran Bukan Ahli Sunah terhadap Perpaduan Umat Islam di Malaysia..

Dato Hj. Mohamad Shukri bin Mohamad. 2013. Ancaman Aliran Bukan Ahli Sunah terhadap Perpaduan Umat Islam di Malaysia. Temu bual. 13 Oktober 2013

Mohd Hardi. 2014. Ancaman Aliran Bukan Ahli Sunah terhadap Perpaduan Umat di Malaysia. Temu bual. 24 Februari 2014

Temu Bual

Muhammad Nor Faisal. 2014. Kefahaman dan Amalan Syiah Di Kalangan Belia Islam di Selangor Temu bual. (19 Mei 2014)

Shahrom bin Marof. 2014. Kefahaman dan Amalan Syiah Di Kalangan Belia Islam di Selangor Temu bual. (13 April 2014)

Ustaz Nik Yusof. 2014. Kefahaman dan Amalan Syiah Di Kalangan Belia Islam di Selangor Temu bual. (20 mei 2014).

Ustaz Khairul Jahrin b. Nasri 2014. Kefahaman dan Amalan Syiah Di Kalangan Belia Islam di Selangor Temu bual. (22 September 2014)

